

daripada Muhammad bin 'Amar bin 'Athaa' daripada Abu Humaid. Di dalamnya juga tidak tersebut lafaz الله أكبر, tetapi begini adanya: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا قَامَ إِلَى الصَّلَاةِ كَثَّرَ ثُمَّ رَفَعَ يَدَيْهِ حَتَّى يُحَازِي بِهِمَا مَنْكِبَيْهِ Bermaksud: "Rasulullah s.a.w. apabila berdiri untuk bersembahyang, akan bertakbir serta mengangkat kedua belah tangan sehingga membetuli kedua bahu Baginda." Cuba lihat, di dalamnya juga tidak tersebut dengan jelas lafaz الله أكبر. Apa yang disebutkan ialah كَثَّرَ yang masih terbuka ertinya. Kesimpulannya ialah apa yang tersebut di dalam hadits Ibnu Majah yang dijadikan dalil keempat tadi tidak mahfuz. Kerana tasharruf perawi dalam meriwayatkannya berdasarkan ma'na, ia telah bertukar rupa dan berubah daripada erti yang lebih terbuka kepada erti yang lebih tertutup. **Hafiz Ibnu al-Qaiyyim al-Jauziyyah** (Muhammad bin Abi Bakr bin Ayyub az-Zar'i Abu 'Abdillah. m.751H) di dalam Tahzib Sunan Abi Daud mempertahankan pegangan jumhur 'ulama' dengan mengemukakan lima hujah berikut: (1) Hadits Rasulullah s.a.w. yang menyebutkan وَتَحْرِيمُهَا التَّكْبِيرُ. Laam (/alif laam) di sini (pada perkataan takbir) memberi erti takbir yang sedia dima'lumi. Ia juga seperti laam (pada perkataan الطَّهْوَرُ) di dalam sabda Baginda s.a.w. مِفْتَاحُ الصَّلَاةِ الطَّهْوَرُ. Ia tidak memberi erti segala bentuk bersuci. Malah maksudnya ialah cara bersuci yang selalu dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dan disyari'atkan kepada umatnya. Perbuatan Rasulullah s.a.w. adalah untuk mengajar dan menerangkan maksud kalam Allah. Begitu juga dengan perkataan takbir di sini. Ia ialah takbir yang sedia dima'lumi, yang dinukilkan oleh umat generasi demi generasi dari Baginda s.a.w. bahawa itulah yang diucapkan oleh Baginda s.a.w. setiap kali hendak bersembahyang. Tidak ada perkataan lain yang pernah diucapkan walaupun hanya sekali. Tidak syak lagi itulah takbir yang dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam sabdanya: تَحْرِيمُهَا التَّكْبِيرُ (tahrirnya takbir). Hujah ini menolak pendapat orang-orang yang mengharuskan ucapan الله الأكبر dan الله الكبير untuk takbiratul ihram. Kerana walaupun kedua-duanya juga dinamakan takbir, namun ia bukanlah takbir yang sedia dima'lumi dan dikehendaki oleh hadith itu. (2) Sessungguhnya Nabi s.a.w. pernah menegur seorang sahabat kerana telah bersembahyang tidak sebagaimana yang dikehendaki (المسيء في صلاته). Kata Baginda s.a.w.: إِذَا (المسيء في صلاته) Bermaksud: "Apabila engkau berdiri untuk bersembahyang, bertakbirlah engkau." Seseorang tidak akan dikira menurut perintah Nabi s.a.w. kalau tidak bertakbir (untuk memulakan sembahyang). Walaupun perintah itu mutlaq, ia seharusnya terikat dengan perbuatan Nabi s.a.w., para khulafa' dan para sahabatnya. (3) Hadits Rifa'ah yang dikemukakan oleh Abu Daud bahawa Nabi s.a.w. bersabda: لَا يَقْبَلُ اللَّهُ صَلَاةَ امْرِئٍ حَتَّى يَضَعَ الطَّهْوَرُ مَوَاضِعَهُ ثُمَّ يَسْتَقْبِلَ الْقِبْلَةَ وَيَقُولَ اللَّهُ اللهُ Bermaksud: Allah tidak menerima sembahyang seseorang selagi ia tidak meletakkan bahan bersuci (air atau debu tanah) pada tempat-tempatnya (anggota-anggotanya yang tertentu). Kemudian mengadap qiblat, lalu mengucapkan اللهُ اللهُ اللهُ أكبر. (4) Kalaulah sembahyang boleh sah tanpa bertakbir dengan lafaz ini, tentu pernah Nabi s.a.w. meninggalkannya di sepanjang hayat Baginda s.a.w., sekurang-kurangnya sekali untuk menyatakan keharusan meninggalkannya. Apabila terbukti tiada siapa pun pernah menukilkannya bahawa Baginda s.a.w. pernah meninggalkannya atau menggunakan perkataan yang lain sebagai gantinya, maka ia menunjukkan sembahyang tidak sah tanpanya. (5) Jika perkataan atau ucapan lain dapat menggantinya, niscaya dapat jugalah ucapan azan yang sedia dima'lumi digantikan dengan ucapan yang lain. Dapatlah kiranya mu'azzin mengucapkan الله كبرت atau الله الكبير atau الله أعظم dan seumpamanya! Ketentuan lafaz اللهُ اللهُ أكبر untuk memulakan sembahyang lebih besar lagi daripada ketentuannya di dalam azan. Kerana setiap orang Islam mesti bersembahyang. Adapun azan, ia hanya dilaungkan oleh seorang atau dua orang muazzin sahaja di dalam sesebuah bandar. Perintah bertakbir di dalam bersembahyang

(juga) lebih kuat daripada perintah bertakbir di dalam azan. **Qaedah usul yang pernah dikemukakan** oleh Maulana Muhammad Anwar Syah al-Kashmiri juga rasanya patut dikemukakan di sini. Guru penulis, Maulana Mufti Wali Hasan Khan di dalam taqirir Tirmizinya ada mengulas tentang qaedah usul yang dikemukakan oleh Maulana Muhammad Anwar Syah al-Kashmiri itu di samping mengaitkannya dengan masalah yang terkandung di dalam hadits di atas. Kata beliau, perbedaan pendapat para 'ulama' atau khilaf yang berlaku di antara para 'ulama' itu jika diteliti, kebanyakannya adalah berpunca daripada perbedaan mereka dalam menanggapi lima usul berikut. (1) Mafhum mukhalif harus dipakai atau tidak. (2) Bolehkah al-Qur'an ditambah mafhumnya dengan hadits wahid (hadits aahaad). (3) Perbezaan darjat hukum berdasarkan tsubat, dalaalah, qath'iyyah dan dzanniyyahnya sesuatu nas. (4) Ada atau tiada hukum wajib di antara hukum fardhu dan sunat. (5) Erti tahqiq al-manaath, tanqih al-manaath dan takhrij al-manaath.

Ulasan qaedah usul (1). Setiap kalam (ucapan atau tulisan) ada manthuq dan mafhumnya. Manthuq ialah apa-apa perkataan yang diucapkan. Ia dapat difahami dari zahirnya. Mafhum pula ialah apa-apa yang difahami daripada sesuatu ucapan atau tulisan, atau dengan kata lain sesuatu yang tersirat di sebalik ucapan yang zahir. Mafhum terbahagi dua. Mafhum muafiq dan mafhum mukhalif. Mafhum muafiq ialah mafhum yang sesuai dengan manthuq. Mafhum mukhalif pula ialah sesuatu yang difaham berlainan dari manthuqnya atau sesuatu yang difaham sebalik dari manthuqnya. Para 'ulama' sekata dalam menerima pakai manthuq dan mafhum muafiq untuk menentukan sesuatu hukum. Jumhur 'ulama' menerima pakai juga mafhum mukhalif dalam menentukan hukum. Tetapi Imam Abu Hanifah tidak menerimanya. Mafhum mukhalif itu terbahagi kepada beberapa bahagian pula, seperti mafhum qaid, mafhum syarat, mafhum ghayah, mafhum istitsnaa', mafhum sifat, mafhum 'adad (bilangan), mafhum hashar, mafhum 'illat dan sebagainya. Berhubung dengan hadits yang sedang kita pelajari sekarang, perbedaan pendapat di kalangan 'ulama' tentangnya berlaku kerana mereka berbeda pendapat tentang mafhum mukhalif itu, sama ada ia harus dipakai atau tidak. Oleh kerana jumhur 'ulama' menerima pakai mafhum mukhalif dalam menentukan hukum, mereka mengatakan sabda Nabi s.a.w. **تحريمها التكبير** atau tahrim sembahyang hanyalah takbir (mengucapkan **الله أكبر**) itu bererti menafikan ucapan-ucapan yang lain selainnya. Oleh kerana Abu Hanifah tidak menerimanya, beliau berpendapat masih ada ruang untuk menggunakan ucapan-ucapan yang lain selain **الله أكبر**. Meskipun mafhum mukhalif tidak dapat menentukan hukum, ia tetap mempunyai maksud tersirat. Maksud tersiratnya di sini ialah bertakbiratul ihram dengan mengucapkan **الله أكبر** itu adalah lebih utama kerana ia paling ketara dalam menta'dzim dan mengagungkan Allah. **Ulasan qaedah usul (2).** Hadits mutawatir dan hadits masyhur dapat menambah mafhum al-Qur'an. Itulah qaedah yang diterima oleh hampir seluruh 'ulama'. Berhubung dengan khabar wahid atau hadits aahaad pula adakah ia boleh menambah mafhum al-Qur'an atau tidak, terdapat perbedaan pendapat 'ulama' tentangnya. Jumhur 'ulama' mengatakan ia juga boleh menambah mafhum al-Qur'an. Imam Abu Hanifah dan orang-orang yang sependapat dengannya berpendapat tidak boleh. Hadits yang sedang anda hadapi sekarang adalah hadits aahaad. Di dalamnya tersebut sabda Rasulullah s.a.w. **تحريمها التكبير** (tahrim sembahyang hanyalah takbir (mengucapkan **الله أكبر**)). Sedangkan di dalam al-Qur'an, Allah berfirman: **وَذَكَرْ اسْمَ رَبِّهِ فَصَلَّى** Bermaksud: dan dia ingat (menyebut) nama Tuhannya, lalu dia bersembahyang. (al-A'la:15). Allah menyebutkan di dalamnya "menyebut nama Tuhan" semata-mata ya'ni secara mutlaq dan umum. Dengan itu dapatlah disimpulkan bahawa sembahyang akan sah apabila dimulakan dengan semata-mata menyebut mana-mana nama Tuhan. Jika anda

menerima hadits di atas seperti yang diterima jumhur 'ulama', bererti anda mengqaidkan (mengikat) dan mengkhususkan al-Qur'an yang qath'ie dengan hadits aahaad yang dzanni. Itulah yang dikatakan menambah mafhum al-Qur'an. Sesuatu yang tsabit melalui hadits aahaad yang dzanni disamakan dengan al-Qur'an yang qath'ie. Itulah yang tidak dapat diterima oleh Imam Abu Hanifah dan orang-orang yang sependapat dengannya. Bagi mereka, apa yang tsabit berdasarkan al-Qur'an yang qath'ie berhubung dengan sembahyang misalnya, ia merupakan fardhu atau rukun dan apa yang tsabit melalui hadits aahaad yang dzanni tidak boleh disamakan dengan apa yang tsabit melalui al-Qur'an. Paling tinggi pun hukumnya hanya wajib. Wajib itu bagi mereka tidak sama dengan fardhu. Kedudukannya lebih rendah daripada fardhu. Dengan itu tidak bolehlah anda mengatakan takbiratul ihram dengan lafaz الله أكبر itu juga rukun atau fardhu.

Ulasan qaedah usul (3). Dalam praktiknya jumhur 'ulama' tidak membezakan darjat hukum fardhu dan wajib berdasarkan tsubut, dalaalah, qath'iyah dan dzanniyyahnya sesuatu nas. Hadits di atas misalnya hanya dzanni tsubut dan dalaalahnya, namun begitu mereka mengatakan takbiratul ihram dengan lafaz الله أكبر itu juga rukun atau fardhu seperti apa yang tsabit melalui al-Qur'an yang qath'ie tsubut dan dalaalahnya.

Ulasan qaedah usul (4). Jumhur 'ulama' berpendapat tidak ada, kecuali dalam masalah-masalah tertentu sahaja seperti dalam bab ibadat haji menurut Syafi'iyah. Imam Abu Hanifah dan anak-anak buahnya pula berpendapat ada dalam hampir semua bab. Faedah adanya perkara-perkara yang wajib itu sama seperti faedah adanya perkara-perkara yang sunat, daripada segi kedua-duanya menyempurnakan perkara yang fardhu. Walaupun kesan perkara-perkara yang wajib dalam menyempurnakan sesuatu perkara yang fardhu lebih besar dan lebih kuat daripada kesan perkara-perkara yang sunat.

Ulasan qaedah usul (5). **Tahqiq al-manaath ialah** tindakan memerhatikan atau memastikan 'illat yang telah diketahui ada pada masalah tertentu, adakah ia ada juga pada masalah-masalah lain yang serupa dengannya. Contohnya 'illat bagi kewajipan menjauhkan diri daripada menyetubuhi isteri pada ketika datang bulan (haidh) ialah kerana darah haidh itu suatu kotoran atau kerana ia boleh mendatangkan mudharat. Lalu diperhatikan adakah 'illat yang sama juga ada pada perempuan yang bernifas atau pada meliwati isteri. Kalau ada maka melaratlah juga kewajipan menjauhkan diri daripadanya. Kalau tiada, maka tiadalah. **Tanqih al-manaath ialah** tindakan membersihkan 'illat daripada perkara-perkara yang tidak ada kena mengena dengannya. Contohnya ialah seorang lelaki miskin di zaman Rasulullah s.a.w. yang telah menyetubuhi isterinya dalam keadaan berpuasa di siang hari bulan Ramadhan. Nabi s.a.w. menyuruhnya membayar kaffarah atas perbuatannya itu. Apakah 'illat sebenarnya yang menyebabkan dia dikenakan kaffarah? Adakah kerana dia lelaki, kerana dia orang hulu, kerana dia orang miskin, kerana dia membatalkan puasanya atau kerana dia bersetubuh? Hanafiyyah dan Malikiyyah berpendapat 'illatnya ialah kerana dia membatalkan puasanya dengan sengaja. Yang lain-lain tidak mereka annggap sebagai 'illat. Ia tidak ada kena mengena dengan 'illat sebenarnya. Maka bagi mereka sesiapa yang membatalkan puasa dengan sengaja, sama ada dengan bersetubuh, minum, makan atau lain-lain, ia perlu membayar kaffarah. Golongan Syafi'iyah dan Hanaabilah pula menyisihkan semua perkara yang tersebut tadi sebagai 'illat. Yang mereka terima sebagai 'illat yang menyebabkan dia perlu membayar kaffarah hanya satu saja, iaitu kerana dia bersetubuh. Oleh itu sesiapa yang bersetubuh ketika berpuasa, dia perlu membayar kaffarahnya. **Takhrij al-manaath ialah** mentarjihkan sesuatu daripada sekian banyak perkara yang boleh menjadi 'illat, sebagai 'illat bagi sesuatu hukum ketika tidak ada dalil yang menunjukkannya.